



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM2133
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **12** HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Manakah antara berikut pihak yang terlibat di dalam persetujuan Kontrak Perkhidmatan mengikut Seksyen 2(1) Akta Kerja 1955?

- i. Majikan
- ii. Pekerja
- iii. Penyelia
- iv. Ketua Jabatan

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iii
- D iii dan iv

2. Encik Amir merupakan seorang kontraktor bebas yang bekerja di syarikat Jalal. Manakah antara berikut garis panduan yang boleh diguna pakai oleh Encik Amir sebagai kontraktor bebas dalam Akta Kerja 1955?

- A Segala salah laku diadili oleh panel.
- B Tempoh hari cuti adalah tertakluk kepada syarikat.
- C Hak pemecatan dan pelepasan dilakukan oleh majikan.
- D Kepercayaan semua pihak berhubung dengan bentuk hubungan yang diwujudkan.

3. Ali perlu melakukan ujian untuk menentukan kedudukan sesuatu kontrak pekerjaan

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1 di atas, jenis ujian tersebut ialah

- A Ujian Kendiri.
- B Ujian Kawalan.
- C Ujian Komposit.
- D Ujian Organisasi.

4. Encik Abu merupakan majikan terhadap pekerja barunya Harlina yang baru melaporkan diri. Di dalam undang-undang pekerjaan, tanggungjawab majikan terhadap pekerjanya ialah
- A menyediakan penempatan kerja.
 - B kewajipan menyediakan kerja dan upah.
 - C kewajipan memberikan sistem kerja yang kurang selamat.
 - D kewajipan menyediakan kerja yang tidak sah menurut undang-undang.
5. Encik Ujang merupakan seorang arkitek. Beliau perlu memastikan setiap lukisan dan idea beliau menepati citarasa pelanggannya. Dalam hal ini, sebagai pekerja, Encik Ujang perlu
- A melakukan salah laku di tempat kerja.
 - B melakukan pekerjaan apabila disuruh.
 - C mengetepikan arahan majikan di tempat kerja.
 - D berhati-hati dan menggunakan kemahiran yang ada.
6. Majikan tidak mempunyai kuasa untuk memotong upah mana-mana pekerja. Walau bagaimanapun pemotongan upah pekerja adalah dibenarkan bagi tujuan-tujuan yang tertentu seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 24(2) Akta Kerja iaitu
- i. Potongan kerana terlebih bayar oleh majikan
 - ii. Potongan bagi pembayaran balik potongan upah
 - iii. Potongan kerana majikan tidak mampu membayar
 - iv. Potongan atas permintaan bertulis pekerja untuk membayar yuran
- A i,ii dan iii
 - B i,ii dan iv
 - C i,iii dan iv
 - D i,ii,iii dan iv

7. Syahmizi terpaksa diberhentikan kerja kerana majikannya tidak mampu untuk meneruskan operasi perniagaannya. Tempoh pembayaran faedah pemberhentian yang perlu dibuat oleh majikan Syahmizi berikutan penamatan perkhidmatan kepada Syahmizi adalah
- A 7 hari selepas dari tarikh penamatan.
 - B 14 hari selepas dari tarikh penamatan.
 - C 16 hari selepas dari tarikh penamatan.
 - D 18 hari selepas dari tarikh penamatan.
8. Lola merupakan pekerja yang baru bekerja sebagai Eksekutif Sumber Manusia dan beliau keliru mengenai hari cuti umum yang diwajibkan oleh setiap syarikat. Hari cuti umum yang diwajibkan dalam Akta Kerja 1955 ialah
- A Hari Hol.
 - B Hari Gawai.
 - C Hari Pekerja.
 - D Hari Raya Haji.
9. Hassan merupakan seorang pekerja yang berumur 17 tahun. Beliau terpaksa bekerja demi menyara keluarga dan adik-adik. Di dalam Akta Pekerjaan, Kanak-kanak tidak boleh dibenarkan
- A membuat kerja lebih masa .
 - B menerima faedah-faedah yang diberikan.
 - C menerima pampasan dan faedah pemberhentian.
 - D bekerja dari pukul lapan malam sehingga pukul tujuh pagi.

10. Manakah antara berikut **bukan** pihak yang mempunyai hak untuk menaikkan pangkat seseorang pekerja?
- i. Pekerja
 - ii. Majikan
 - iii. Penyelia
 - iv. Rakan Sekerja
- A i dan ii
B ii dan iii
C ii dan iv
D ii sahaja
11. Manakah antara berikut syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan untuk mengarahkan pekerja bertukar tempat kerja?
- A Pertukaran itu dengan tujuan merugikan pekerja.
B Tindakan pihak pengurusan adalah atas motif lain atau mala fide.
C Pertukaran itu melibatkan perubahan dalam syarat perkhidmatan.
D Pertukaran itu tidak bercanggah dengan kontrak/terma pekerjaan.
12. Song Seng bekerja sebagai Pegawai Operasi dan diberikan tempoh percubaan oleh majikannya selama tiga bulan. Akan tetapi, selepas tiga bulan, pihak majikan masih tidak mengesahkan jawatan beliau. Dengan ini, Song Seng
- A boleh menerima kenaikan pangkat.
B boleh mendapatkan faedah-faedah dan pampasan.
C layak mendapat faedah persaraan walaupun beliau masih dalam tempoh percubaannya.
D kekal dalam tempoh percubaan walaupun tempoh percubaannya telah tamat sekiranya majikan tidak mengesahkan jawatannya.

13. Manakah antara berikut perbezaan di antara pengambilan pekerja dengan perekrutan pekerja?
- A Pengambilan pekerja merupakan satu proses tawaran pekerjaan manakala perekrutan pekerja adalah proses penerimaan pekerjaan.
 - B Pengambilan pekerja merupakan tindakan mengekalkan pekerja manakala perekrutan adalah proses pengambilan pekerjaan.
 - C Pengambilan pekerja merupakan satu proses mencari calon untuk pekerjaan manakala perekrutan kerja adalah merangsang aplikasi dari calon pekerjaan.
 - D Pengambilan pekerja adalah proses untuk menggaji dan membangunkan tenaga kerja sesebuah organisasi manakala perekrutan pekerja adalah tindakan mencari dan menaarik bakal calon untuk pekerjaan.
14. Dalam perindustrian, disiplin adalah salah satu perkara yang amat penting. Manakah antara berikut merupakan perbezaan disiplin dan salah laku?
- A Salah laku hanya terpakai oleh pekerja sahaja dan disiplin terpakai oleh kedua-dua belah pihak, iaitu majikan dan pekerja.
 - B Disiplin merupakan hak majikan yang patut dipatuhi oleh pekerja manakala salah laku ialah kesalahan yang dilakukan oleh pekerja.
 - C Disiplin merupakan sesuatu yang tidak penting dalam syarikat dan majikan tidak berhak untuk menghukum sebarang salah laku yang dilakukan oleh pekerja.
 - D Salah laku terjadi apabila majikan mengambil barang syarikat untuk kepentingan syarikat manakala disiplin merupakan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pekerja.
15. Encik Zaini merupakan majikan yang ingin melakukan Siasatan Domestik terhadap seorang pekerjanya yang telah melakukan kesalahan disiplin. Apakah prinsip yang digunakan di dalam Siasatan Domestik untuk memastikan Siasatan Domestik dapat dilakukan dengan adil dan saksama
- A Prinsip *Triti*.
 - B Prinsip *Judex*.
 - C Prinsip *Supranasional*.
 - D Prinsip *Audi Alteram Parterm*.

16. Manakah antara berikut perbezaan di antara Salah Laku Lepas dan Salah Laku Berulang?

- A Salah Laku Lepas adalah suatu keadaan di mana pekerja berkenaan mempunyai rekod salah laku lampau manakala Salah Laku Berulang adalah melakukan perbuatan tidak bermoral di tempat kerja.
- B Salah Laku Lepas adalah kebangkitan marah yang berpunca daripada majikan manakala Salah Laku Berulang adalah ulangan kepada salah laku sebelum ini.
- C Salah Laku Lepas adalah suatu keadaan di mana pekerja berkenaan mempunyai rekod salah laku lampau manakala Salah Laku Berulang adalah ulangan kepada salah laku sebelum ini.
- D Salah Laku Lepas adalah suatu kesalahan mencuri, menyalahgunakan harta atau wang majikan, memecah masuk ke tempat kerja, menipu dan seumpamanya manakala Salah Laku Berulang ialah mengadakan perhubungan dengan pekerja wanita yang telah berkahwin atau terlibat dalam kes khalwat dan seumpamanya.

17. Manakah antara berikut merupakan definisi disiplin?


- A Perjanjian antara kesatuan sekerja dan majikan mengenai prosedur kerja.
- B Suatu proses di mana kesatuan bertemu dengan majikan untuk membincangkan hubungan pekerjaan.
- C Penerimaan kerja terhadap kuasa majikan untuk mengehadkan kebebasan tindakannya dalam hubungan pekerjaan.
- D Suatu proses di mana sebuah kesatuan berunding dengan majikan bagi pihak anggotanya yang bersangkutan dengan terma dan syarat pekerjaan.

18. Pekerja boleh membuat aduan kepada Ketua Pengarah dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan. Manakah antara berikut situasi yang membolehkan pekerja untuk membuat aduan kepada Ketua Pengarah?
- A Fitrah tidak berpuas hati dengan keputusan majikan untuk memecatnya tanpa sebab yang kukuh.
 - B Darwish tidak berpuas hati dengan keputusan majikan untuk memecatnya kerana dia mengambil telefon syarikat.
 - C Azmi tidak berpuas hati kerana majikan menggantung kerja beliau tanpa alasan yang kukuh dan beliau berasa tidak adil.
 - D Sharlini tidak berpuas hati dengan keputusan majikan yang menurunkan pangkat akibat daripada penyakit *Parkinson* yang dihidapinya.
19. Pavitheran merupakan pekerja yang sudah dipecat oleh majikannya. Namun demikian beliau merasakan pemecatan itu adalah tidak adil. Pavitheran telah membuat aduan kepada Ketua Pengarah, tetapi, majikan beliau tidak mahu memberikan kerjasama. Daripada kes ini, Ketua Pengarah boleh merujuk kepada
- A Menteri.
 - B Ketua Daerah.
 - C Timbalan Pengarah.
 - D Setiausaha Mahkamah.
20. Manakah antara berikut ialah perbezaan proses Perjanjian Kolektif dengan Perjanjian Perkhidmatan?
- A Membuat surat tunjuk sebab kepada pekerja merupakan proses Perjanjian Kolektif manakala mengenal pasti hak-hak pekerja adalah proses Perjanjian Perkhidmatan.
 - B Proses Perjanjian Kolektif melibatkan setiausaha dan Ahli Panel manakala proses Perjanjian Perkhidmatan melibatkan pekerja dan majikan sahaja.
 - C Proses Perjanjian Perkhidmatan melibatkan pekerja yang telah diterima bekerja oleh majikan manakala proses Perjanjian Kolektif melibatkan penurunan gred atau pangkat pekerja.
 - D Proses perjanjian Perkhidmatan merupakan proses di mana majikan mengambil kira maklumat yang menguntungkan pihaknya manakala proses Perjanjian Kolektif adalah memberikan masa pada pelaku untuk membela diri.

21. Cik Janet telah bekerja di syarikat Syusyu selama 8 tahun. Beliau mempunyai dua orang rakan iaitu Encik Ramesh dan Encik Jyoung yang masing-masing telah bekerja di syarikat itu selama 15 tahun. Pada suatu hari, majikan membuat keputusan untuk membuat *downsizing* kerana keadaan ekonomi yang kurang baik. Prinsip yang terlibat dalam pemberhentian kerja ialah
- A prinsip *mala fide*.
 - B prinsip *bona fide*.
 - C prinsip *last in first out*.
 - D prinsip *foreign worker first out*.
22. Manakah antara berikut merupakan perbezaan antara Statutory Bar dengan Pembuangan kerja (Redundancy)?
- A Statutory Bar ialah penamatan perkhidmatan pekerja disebabkan oleh lebih manakala Pembuangan kerja (Redundancy) ialah penamatan khidmat pekerja itu disebabkan oleh majikan telah memberhentikan perniagaan.
 - B Statutory Bar ialah seseorang pekerja tidak boleh meneruskan kerjanya lagi tanpa melanggar undang-undang manakala Pembuangan kerja (Redundancy) ialah penamatan perkhidmatan pekerja disebabkan oleh lebih.
 - C Statutory Bar ialah Kontrak yang dimasuki secara formal oleh majikan dan pekerja biasanya menyatakan cara kontrak perkhidmatan ditamatkan manakala Pembuangan Kerja (Redundancy) ialah penamatan khidmat pekerja itu disebabkan oleh majikan telah memberhentikan perniagaan.
 - D Statutory Bar ialah seseorang pekerja tidak boleh meneruskan kerjanya lagi tanpa melanggar undang-undang manakala Pembuangan kerja (Redundancy) ialah penamatan khidmat pekerja itu disebabkan oleh majikan telah memberhentikan perniagaan.

- 23.** Encik Mail perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerjaanya yang layak mengikut kadar yang telah ditetapkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Caruman yang perlu dicarum oleh syer Encik Mail sebagai majikan di bawah caruman Jenis Kedua ialah
- A** 1.75% daripada gaji bulanan pekerja.
 - B** 1.25% daripada gaji bulanan pekerja.
 - C** 1.50% daripada gaji bulanan pekerja.
 - D** 1.35% daripada gaji bulanan pekerja.
- 24.** Manakah antara berikut merupakan perbezaan Skim Insurans Bencana dan Skim Ilat?
- A** Penamatan Skim Insurans Bencana dan Skim Ilat adalah disebabkan oleh salah laku pekerja semasa menjalankan pekerjaan.
 - B** Pekerja swasta cuma mendapat perlindungan dari Skim Insurans Bencana manakala pekerja sendiri dan warga asing mendapat perlindungan dari Skim Insurans Bencana dan Skim Ilat.
 - C** Pekerja melebihi umur 40 tahun layak mendapat Skim Ilat sahaja manakala pekerja melebihi umur 60 tahun layak mendapat Skim Ilat dan Skim Insurans Bencana.
 - D** Skim Insurans Bencana ialah perlindungan pada pekerja disebabkan oleh kemalangan manakala Skim Ilat ialah perlindungan kepada pekerja yang tidak dapat bekerja akibat dari kecacatan anggota badan.

25.



Rajah 2

Elemen utama di dalam penentuan tanggungan caruman yang di wakili oleh X ialah

- A Upah.
 - B Had Umur.
 - C Tanggungan.
 - D Kadar Caruman.
26. Mirza merupakan seorang pekerja baru yang belum mendaftar dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Manakah antara berikut **bukan** merupakan cara-cara untuk mendaftar KWSP pekerja?
- A Pendaftaran Ahli KWSP melalui Mykad.
 - B Pendaftaran ahli melalui i-Akaun Majikan.
 - C Pendaftaran menggunakan Borang KWSP 5.
 - D Pendaftaran ahli melalui borang caruman bulanan (Borang A).
27. Puan Jamlah merupakan pekerja yang berumur 55 tahun. Beliau baru bekerja sebagai pengawal keselamatan di kilang pemprosesan makanan. Kadar caruman yang dikenakan kepada Puan Jamlah ialah
- A 7%
 - B 5.5%
 - C 11%
 - D 13%

28. Manakah antara berikut mewakili Mahkamah perindustrian?

- i. Seorang Ketua Pengarah
- ii. Suatu panel yang mewakili pekerja
- iii. Suatu panel yang mewakili majikan
- iv. Seorang Presiden yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong

- A i dan ii
- B i dan iii
- C i dan iv
- D ii dan iv

29. Raziq merupakan pekerja yang di pecat oleh majikan tanpa sebab dan kes beliau terpaksa di bawa ke Mahkamah Perindustrian untuk dibicarakan. Di dalam kes ini, pengerusi mahkamah dibenarkan untuk bersidang sendiri tanpa ahli panel. Kes seperti ini termaktub di bawah

- A Mahkamah Buruh.
- B Prosiding Mahkamah.
- C Komponen Mahkamah.
- D Rayuan ke Mahkamah Tinggi.

30. Pada Februari 2003, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat telah digabungkan dengan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia (JBSM) menjadi

- A Jabatan Buruh.
- B Jabatan Kesatuan.
- C Jabatan Wakil Rakyat.
- D Jabatan Tenaga Kerja.

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Majikan anda ingin mengubah kontrak perkhidmatan yang lama kepada kontrak perkhidmatan yang baru untuk jawatan juruteknik. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, huraikan elemen yang perlu ada di dalam kontrak perkhidmatan.

(10 markah)

SOALAN 2

Seorang pekerja di syarikat anda dituduh mencuri barang kepunyaan majikan. Majikan anda meminta anda untuk menyediakan persediaan untuk Siasatan Dalaman yang akan dilakukan. Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia, kenal pasti proses-proses di dalam Siasatan Dalaman yang perlu dilakukan sebelum majikan boleh menjatuhkan hukuman ke atas pekerja yang dituduh mencuri.

(10 markah)

SOALAN 3

Irfan sering tidak hadir ke tempat kerja tanpa alasan yang munasabah. Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia, nasihatkan Irfan mengenai proses tindakan disiplin yang akan dikenakan ke atasnya.

(10 markah)

SOALAN 4

“Setiap majikan dan pekerja seperti yang didefinisikan di bawah Akta KWSP adalah bertanggungjawab untuk membayar caruman bulanan bagi amaun upah yang dikenakan dibayar pada kadar yang masing-masingnya dinyatakan di Jadual Ketiga (Seksyen 43 (1) Akta KWSP)”.

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan elemen-elemen utama dalam menentukan caruman KWSP.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT